

Belia perlu miliki paradigma baru – Najib

Um - 26/6/2006

Bila ada perubahan dan kejayaan besar, orang terpaksa menghormati kita dan perkara ini perlu ada dalam perjuangan belia sekarang

**NAJIB
TUN RAZAK**
Timbalan
Perdana Menteri

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**
dan **HATA WAHARI**

TAIPING 25 Jun – Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, golongan belia perlu mempersiapkan diri dengan paradigma baru yang mementingkan pemikiran lebih kreatif, inovatif dan konstruktif.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, paradigma baru ini mempunyai kaitan dengan masa depan belia negara kerana ia dapat membantu golongan itu menayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan Misi Nasional.

“Paradigma baru ini menuntut belia bukan sahaja mempunyai kelulusan tetapi pemikiran lebih kreatif, inovatif, konstruktif kerana ia berupaya menjana perubahan yang lebih besar.

“Bila ada perubahan dan kejayaan besar, orang terpaksa menghormati kita dan perkara ini perlu ada dalam perjuangan belia sekarang serta keinginan mahu mencapai kejayaan lebih hebat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penutup Mesyuarat Agung Majlis Belia Malaysia (MBM)

Ke-56 di Bukit Merah Laketown Resort di sini hari ini.

Turut hadir ialah Presiden MBM yang juga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali.

Katanya, paradigma baru ini juga mewajibkan golongan belia belajar semula apabila sesuatu yang dipelajari serta diketahui sebelum ini sudah ketinggalan zaman.

“Kalau kita ingin kekal mempunyai pekerjaan, maka perlu ada kemahiran yang dipertingkatkan pada setiap masa memandangkan zaman sekarang jaminan pekerjaan sepanjang hayat itu hanya boleh diberikan apabila mempunyai kemahiran baru setiap masa,” katanya.

Najib memberitahu, pemikiran lama iaitu hanya hendak bekerja dengan kerajaan juga perlu diubah dengan mempunyai keinginan bekerja dalam sektor swasta dan bekerja sendiri.

Tegasnya, perkara itu yang akan ditekankan oleh kerajaan sekarang dan ia merupakan ciri-ciri utama dalam paradigma baru tersebut.



NAJIB Tun Razak menerima cenderahati daripada Mohamad Khir Toyo pada Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Majlis Belia Malaysia Ke-56 di Taiping, semalam.